

# **KERAJAAN NEGERI KELANTAN**

## **PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN BILANGAN 2 TAHUN 1990**

### **DASAR PINDAHMILIK TANAH KEPUNYAAN ORANG MELAYU UNTUK PROJEK PEMBANGUNAN**

Pekeliling ini dikeluarkan untuk memberitahu semua Pentadbir Tanah Jajahan bahawa mengikut Pekeliling Pejabat ini Bilangan 3 Tahun 1988 khususnya para 1.1 pindahmilik tanah kepunyaan Orang Melayu dalam kawasan perumahan iaitu bagi tanah-tanah yang telah dilulus tukar syarat dan pecah sempadan untuk kediaman, perniagaan dan perusahaan ( sama ada di dalam atau luar rizab Melayu ) hendaklah dijual 100% kepada Orang Melayu tetapi Majlis Mesyuarat Kerajaan boleh menimbang pindahmilik kepada Bukan Melayu dalam keadaan tertentu bagi menolong pemaju mengurang tanggungan kos pembangunan.

2. Pada 29.11.1989 semasa menimbang Kertas Bil. 21 / 590 / 89, Mesyuarat M.M.K membuat keputusan bahawa permohonan untuk menjual tanah oleh seorang Melayu dalam kawasan Projek Perumahan kepada Orang Bukan Melayu hanya boleh diangkat untuk mendapat pertimbangan Majlis Mesyuarat Kerajaan setelah pihak pemaju telah berusaha selama tidak kurang daripada 4 tahun dari tarikh pengeluaran hakmilik sementara untuk mendapatkan pembeli dari kalangan Orang Melayu dengan mengemukakan bukti-bukti yang cukup terhadap usaha itu.
3. Semua Pentadbir Tanah Jajahan hendaklah mengambil maklum tentang keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan yang dibuat pada 29.11.1989 sebelum mengangkat permohonan daripada Orang-Orang Melayu untuk menjual tanah dalam kawasan Projek Perumahan kepada Orang-Orang Bukan Melayu.

**t.t**

**(Tengku Elias Bin Tengku Mahmood)**  
PENGARAH TANAH DAN GALIAN  
KELANTAN.

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN  
KELANTAN  
BLOK 3, TINGKAT BAWAH,  
KOTA DARULNAIM,  
15576, KOTA BHARU**

**BERTARIKH : 24HB. JANUARI 1990**

**KEPADA :**

Semua Pentadbir Tanah Jajahan, Kelantan.

**SALINAN KEPADA :**

1. YAB. Tan Sri Dato' Menteri Besar Kelantan
2. YB. Dato' Timbalan Menteri Besar Kelantan
3. YB. Dato' Setiausaha Kerajaan Kelantan
4. YB. Tuan Penasihat Undang-Undang Kelantan
5. YB. Tuan Pegawai Kewangan Negeri Kelantan
6. YABrs. Ketua Audit Negeri Kelantan
7. YABrs. Semua Ketua Jajahan Kelantan
8. YABrs. Pengarah Penyelesaian Tanah Negeri Kelantan
9. YBrs. Setiausaha Majlis Mesyuarat Kerajaan Kelantan
10. Fail P.T.G KN. SULIT Bil.1/2/7

**FAIL : P.T.G. KN. SULIT 1 / 2 / 3 / JLD. 2 (28)**